

# Penggunaan cop mohor wajar dihidupkan semula

Oleh FAUZIAH AROF dan AZIAN AZIZ

**SHAH ALAM** 10 okt. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, penggunaan cop mohor dalam urusan dokumen perjanjian atau persuratan sewajarnya dihidupkan semula sebagai salah satu cabang seni dan budaya di negara ini.

Selain lambang kemegahan, kata Perdana Menteri, seni cop mohor turut menjadi elemen penting dalam budaya Melayu terutama dalam usaha memartabatkan tulisan jawi.

Menurut beliau, seni mohor adalah wadiah jati diri rumpun Melayu Islam dan merupakan salah satu strategi terbaik dalam membudayakan tulisan jawi dalam kehidupan seharian.

"Negara kita kaya dengan pelbagai seni dan budaya. Maka percubaan untuk menghidup semula seni cop mohor ini sepatutnya diteruskan sebagai salah satu cara memperkayakan seni sedia ada yang mempunyai hubungan kait dengan al-Quran," katanya.

Abdullah berkata demikian semasa berucap di Pelancaran Seni Mohor Negara dan Penubuhan Arkib Seni Mohor Negara serta Penyampaian Sumbangan Puncak Niaga Sdn. Bhd. kepada Masjid dan Anak-Anak Yatim Sempena Nuzul Quran di Kompleks Taman Seni Islam di sini, hari ini.

Turut hadir Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo dan Pengerusi Yayasan Restu, Datuk Abdul Latiff Mirasa.

Perdana Menteri menambah, penggunaan seni cop mohor boleh diper-

luaskan dalam urusan rasmi di pejabat kerajaan negeri, masjid dan lain-lain.

Antara fungsi penubuhan Arkib Seni Mohor Negara ialah mengeluarkan pelbagai reka bentuk seni mohor negara, merekodkan reka bentuk dan paten, mengenal pasti dokumen yang berpotensi untuk diguna pakai sebagai dokumen yang memerlukan pengesahan dalam bentuk seni mohor dan memberi nasihat kepada kerajaan mengenai penggunaan seni mohor.

Dalam pada itu, Abdullah turut memuji langkah Yayasan Restu memartabatkan seni mohor dan memulakan penyalinan manuskrip al-Quran beriluminasi penuh dengan motif seni yang telah berjaya menghasilkan pelbagai mushaf al-Quran dalam pelbagai saiz untuk memenuhi permintaan masyarakat.

"Saya percaya langkah ini bukan sahaja dapat menarik minat orang Islam tetapi bukan Islam.

"Mereka (bukan Islam) tidak boleh membaca tetapi dengan adanya penulisan yang cantik dan berseni tinggi, mereka dapat melihat keindahan al-Quran," katanya.

Perdana Menteri menambah, keupayaan yayasan tersebut menghasilkan manuskrip dan mushaf al-Quran yang dihasilkan pula oleh anak-anak tempatan adalah mengagumkan.

"Mushaf al-Quran yang dihasilkan oleh anak-anak tempatan di Yayasan Restu tidak sama seperti yang dihasilkan di negara-negara Islam yang lain seperti Turki dan Arab, di mana seni Islam yang digunakan adalah begitu halus buatannya," katanya.